

SUK.D200(06)600/9/Jld 19 (17)



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 4 TAHUN 2025

**KEMUDAHAN CUTI BELAJAR BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN
AWAM NEGERI KELANTAN LANTIKAN
JAWATAN NEGERI BERASASKAN CARUMAN (JNBC),
JAWATAN BERASASKAN CARUMAN (JBC) DAN KONTRAK (CFS)**

1. TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini adalah bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri Kelantan mengenai **Kemudahan Cuti Belajar Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan Lantikan Jawatan Negeri Berasaskan Caruman (JNBC), Jawatan Berasaskan Caruman (JBC) Dan Kontrak (CFS).**

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan Negeri Kelantan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 02 Tahun 2025 bertarikh 15 Januari 2025 membuat keputusan bersetuju meluluskan Kemudahan Cuti Belajar Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan Lantikan Jawatan Negeri Berasaskan Caruman (JNBC), Jawatan Berasaskan Caruman (JBC) Dan Kontrak (CFS).

2.2 Selaras dengan inisiatif kerajaan untuk menyediakan kemudahan cuti belajar sebagai salah satu galakan kepada pegawai dalam melengkapkan diri dengan pengetahuan yang lebih tinggi sejajar dengan keperluan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan. Justeru, kemudahan ini diperluaskan kepada pegawai-pegawai lantikan Jawatan Negeri Berasaskan Caruman (JNBC), Jawatan Berasaskan Caruman (JBC) Dan Kontrak (CFS).

3. PRINSIP KEMUDAHAN CUTI BELAJAR KEPADA PEGAWAI AWAM YANG MENGIKUTI KURSUS JANGKA SEDERHANA DAN KURSUS JANGKA PANJANG SECARA SEPENUH MASA

3.1. Kemudahan cuti belajar dibahagikan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

3.1.1. Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP)

- a) Cuti ini diberikan kepada pegawai untuk mengikuti kursus bagi pembangunan kompetensi dan bukan untuk kemajuan kerjaya di mana kelayakan yang diperolehi tidak melayakkan pegawai dilantik ke kumpulan perkhidmatan yang lebih tinggi.
- b) Pegawai layak mendapat kemudahan CBBP maksimum dua kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan bagi mengikuti kursus jangka panjang (kursus yang melebihi 12 bulan kalendar).

3.1.2. Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG)

- a) Cuti ini diberi kepada pegawai dalam perkhidmatan Kumpulan Sokongan bagi mengikuti kursus di peringkat Sijil/ Diploma/Ijazah Pertama di mana kelayakan yang diperolehi akan melayakkan pegawai dilantik ke kumpulan perkhidmatan yang lebih tinggi.
- b) Pegawai layak mendapat kemudahan CBSG maksimum dua kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan bagi mengikuti kursus jangka panjang (kursus yang melebihi 12 bulan kalendar).

3.1.3. Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG)

- a) Cuti ini diberikan kepada pegawai bagi mengikuti kursus di peringkat Pra-Ijazah (Sijil atau Diploma), Ijazah Pertama atau Ijazah Lanjutan yang tidak layak dipertimbangkan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh atau Cuti Belajar Separuh Gaji.
- b) Pegawai layak mendapat kemudahan CBTG maksimum dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan, sama ada kursus di peringkat Sijil/Diploma/Ijazah Pertama atau Ijazah Lanjutan. Kelulusan kali kedua boleh dipertimbangkan di peringkat pengajian yang lebih tinggi daripada yang sebelumnya.

3.2. Manakala kemudahan Cuti Kursus Sambilan turut disediakan bagi pegawai yang mengikuti pengajian secara sambilan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara.

3.3. Kursus Sambilan ini bermaksud program pengajian di peringkat Diploma, Ijazah Pertama atau Ijazah Lanjutan secara sambilan/ separuh masa atau pendidikan jarak jauh (PJJ) di Institusi Pengajian Tinggi di dalam negara.

4. KEMUDAHAN CUTI BELAJAR BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN LANTIKAN JAWATAN NEGERI BERASASKAN CARUMAN (JNBC), JAWATAN BERASASKAN CARUMAN (JBC) DAN KONTRAK (CFS)

Berikut merupakan prinsip dan syarat-syarat pemberian bagi Kemudahan Cuti Belajar sebagaimana di **Lampiran 1**.

5. TARIKH KUAT KUASA


Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai **1 Jun 2025**.

6. PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Badan Berkanun Negeri untuk diterima pakai.

Sekian, terima kasih.

“ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI”



DATO' HAJI AB.PATTAH BIN HASBULLAH, D.P.S.K (Kelantan)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Bertarikh : ~~29~~ Syawal 1446H
28 April 2025

SENARAI EDARAN :

- Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- Semua Ketua Jabatan Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
- Semua Badan Berkanun Negeri
- Semua Ketua Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

BIL	ASPEK PERKHIDMATAN	JNBC	JBC	CFS
	CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH (CBBP)			
1.	Gaji Bulanan	Penuh	Penuh	
2.	Bayaran elaun dan kemudahan	Penuh	Penuh	
3.	Pergerakan Gaji Tahunan	Layak	Layak	
4.	Bantuan Sara Hidup	Penuh mengikut lokasi	Penuh mengikut lokasi	
5.	Kekananan	Tidak menjejaskan	Tidak menjejaskan	
6.	Tempoh Perkhidmatan dimasukira bagi tujuan perkiraan faedah persaraan	Dimasukira	Dimasukira	
7.	Kuasa Melulus	YB SUK	YB SUK	
8.	Tempoh kemudahan	Maksimum dua kali sepanjang tempoh perkhidmatan	Maksimum dua kali sepanjang tempoh perkhidmatan	
9.	Pengesahan dalam skim perkhidmatan semasa	Ya	Ya	
10.	Markah Purata LNPT (3 tahun kalendar)	85 peratus	90 peratus	

BIL	ASPEK PERKHIDMATAN	JNBC	JBC	CFS
11.	Umur	Tidak melebihi 46 tahun untuk sarjana dan 44 tahun untuk Doktor Falsafah	Tidak melebihi 46 tahun untuk sarjana dan 44 tahun untuk Doktor Falsafah	
12.	Telah mendapat tempat di universiti/institusi	Ya	Ya	
13.	Bebas daripada pertuduhan dan tindakan tatatertib	Ya	Ya	
14.	Pengistiharan Harta	Ya	Ya	
15.	Pegawai bukan merupakan pemimjam Tegar oleh JPA atau badan-badan pinjaman kerajaan yang lain.	Ya	Ya	
	CUTI BELAJAR SEPARUH GAJI (CBSG)			
16.	Gaji Bulanan	Separuh	Separuh	Separuh
17.	Bayaran elaun dan kemudahan	Separuh	Separuh	Separuh
18.	Pergerakan Gaji Tahunan	PGT secara isyarat (maksimum 3kali)	PGT secara isyarat (maksimum 1kali)	PGT secara isyarat (maksimum 1kali)
19.	Bantuan Sara Hidup	Separuh mengikut lokasi	Separuh mengikut lokasi	Separuh mengikut lokasi

BIL	ASPEK PERKHIDMATAN	JNBC	JBC	CFS
20.	Kekananan	Tidak menjejaskan	Tidak menjejaskan	Tidak menjejaskan
21.	Tempoh Perkhidmatan dimasukira bagi tujuan perkiraan faedah persaraan	Dimasukira	Dimasukira	Dimasukira
22.	Kuasa Melulus	YB SUK	YB SUK	YB SUK
23.	Tempoh kemudahan	Maksimum dua kali sepanjang tempoh perkhidmatan	Maksimum satu kali sepanjang tempoh perkhidmatan	Maksimum satu kali sepanjang tempoh perkhidmatan (maksimum 3 bulan bagi tujuan menjalani latihan amali/industri)
24.	Pengesahan dalam skim perkhidmatan semasa	Ya	Ya	Minimum 3 tahun perkhidmatan
25.	Markah Purata LNPT (3 tahun kalendar)	85 peratus	90 peratus	90 peratus
26.	Umur	Tidak melebihi 45 tahun	Tidak melebihi 45 tahun	Tidak melebihi 45 tahun
27.	Telah mendapat tempat di universiti/institusi	Ya	Ya	Ya

BIL	ASPEK PERKHIDMATAN	JNBC	JBC	CFS
28.	Bebas daripada pertuduhan dan tindakan tatatertib	Ya	Ya	Ya
29.	Pengistiharan Harta	Ya	Ya	Ya
30.	Pegawai bukan merupakan pemimjam Tegar oleh JPA atau badan-badan pinjaman kerajaan yang lain.	Ya	Ya	Ya
	CUTI BELAJAR TANPA GAJI (CBTG)			
31.	Gaji Bulanan	Tanpa Gaji	Tanpa Gaji	Tanpa Gaji
32.	Bayaran elaun dan kemudahan	Tanpa Gaji	Tanpa Gaji	Tanpa Gaji
33.	Pergerakan Gaji Tahunan	Layak diberi PGT secara isyarat tidak lebih tiga kali sepanjang tempoh perkhidmatan	Layak diberi PGT secara isyarat tidak lebih satu kali sepanjang tempoh perkhidmatan	Layak diberi PGT secara isyarat tidak lebih satu kali sepanjang tempoh perkhidmatan
34.	Bantuan Sara Hidup	Tidak Layak	Tidak Layak	Tidak Layak
35.	Kekananan	Layak	Layak	Layak
36.	Tempoh Perkhidmatan dimasukira bagi tujuan perkiraan faedah persaraan	Tempoh Perkhidmatan dimasukira bagi	Tempoh Perkhidmatan dimasukira bagi	Tempoh Perkhidmatan dimasukira bagi

BIL	ASPEK PERKHIDMATAN	JNBC	JBC	CFS
		tujuan perkiraan faedah persaraan	tujuan perkiraan faedah persaraan	tujuan perkiraan faedah persaraan
37.	Kuasa Melulus	YB SUK	YB SUK	YB SUK
38.	Tempoh kemudahan	Maksimum dua kali sepanjang tempoh perkhidmatan	Maksimum satu kali sepanjang tempoh perkhidmatan	Maksimum satu kali sepanjang tempoh perkhidmatan (maksimum 3 bulan bagi tujuan menjalani latihan amali/industri)
39.	Pengesahan dalam skim perkhidmatan semasa	Ya	Ya	Minimum 3 tahun perkhidmatan
40.	Markah Purata LNPT (2 tahun kalendar)	85 peratus	90 peratus	90 peratus
41.	Umur	Tidak melebihi 45 tahun bagi pengajian di peringkat sijil, Diploma dan	Tidak melebihi 45 tahun bagi pengajian di peringkat sijil, Diploma dan	Tidak melebihi 45 tahun bagi pengajian di peringkat sijil,

BIL	ASPEK PERKHIDMATAN	JNBC	JBC	CFS
		Ijazah Pertama, 46 tahun untuk sarjana dan 44 tahun untuk Doktor Falsafah	Ijazah Pertama, 46 tahun untuk sarjana dan 44 tahun untuk Doktor Falsafah	Diploma dan Ijazah Pertama
42.	Telah mendapat tempat di universiti/institusi	Ya	Ya	Ya
43.	Bebas daripada pertuduhan dan tindakan tatatertib	Ya	Ya	Ya
44.	Pengistiharan Harta	Ya	Ya	Ya
45.	Pegawai bukan merupakan pemimjam Tegar oleh JPA atau badan-badan pinjaman kerajaan yang lain.	Ya	Ya	Ya

BIL	ASPEK PERKHIDMATAN	JNBC	JBC	CFS
	CUTI KURSUS SAMBILAN			
46.	Tempoh	Tidak melebihi 30 hari dalam satu tahun pengajian	Tidak melebihi 25 hari dalam satu tahun pengajian	Tidak melebihi 20 hari dalam satu tahun pengajian
47.	Pegawai disahkan dalam perkhidmatan	Ya	Ya	Maksimum 3 tahun perkhidmatan
48.	Tempoh kemudahan Pengajian	Maksimum 2 kali pengajian sepanjang tempoh perkhidmatan	Maksimum 1 kali pengajian sepanjang tempoh perkhidmatan	Maksimum 1 kali pengajian sepanjang tempoh perkhidmatan
49.	Kuasa Melulus	Ketua Jabatan	Ketua Jabatan	Ketua Jabatan